

# Skim Bantuan Kewangan

## Panduan kepada Subsidi

### Penjagaan Warga Emas



# Membantu Anda dengan Kos Menjaga Orang yang Anda Sayangi

Kita akan berusaha memberikan orang yang kita sayangi, penjagaan yang terbaik sewaktu mereka melangkah ke usia senja. Untuk keluarga yang menghadapi masalah kewangan, terdapat pelbagai skim yang boleh membantu anda dan orang yang anda sayangi untuk hidup lebih selesa.

Untuk melayakkan diri, orang yang anda sayangi perlu memenuhi kriteria kelayakan skim masing-masing (sila rujuk halaman seterusnya).



## 1 Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (CHAS)

Nikmati **subsidi** di klinik GP dan klinik pergigian yang mengambil bahagian berhampiran rumah anda.



## 2 Dana Pergerakan dan Bantuan Warga Emas (SMF) untuk Alat Bantuan

Orang yang anda sayangi boleh hidup berdikari dengan menerima **subsidi** untuk:

- **Alat bantuan pergerakan** (seperti tandas mudah alih dan kerusi roda) yang boleh membantu mereka menjalani kegiatan harian (contohnya mandi, berjalan), dan;
- **Barang penjagaan kesihatan di rumah** (contohnya lampin dan susu dewasa).



## 3 Skim Bantuan Generasi Perintis Kurang Upaya (PioneerDAS)

Warga perintis yang kurang upaya boleh menerima **\$100 sebulan** untuk membantu keperluan penjagaan mereka.



## 4 Program Bantuan Sementara untuk Warga Emas Kurang Upaya (IDAPE)

Warga emas kurang upaya yang tidak layak untuk memohon Eldershield dan tidak berkemampuan, boleh menerima **\$150 atau \$250** setiap bulan.

## 5 Geran Latihan Pengasuh (CTG)

Belajar cara-cara penjagaan yang lebih baik untuk diri anda dan orang yang anda sayangi dengan geran latihan **sebanyak \$200 setiap tahun**.

Anda juga boleh memohon geran untuk mengimbangi bayaran kursus bagi menghantar pembantu anda untuk menghadiri kursus, seperti Kursus Pengasuhan Asas<sup>1</sup>.

## 6 Potongan Levi Pembantu Rumah Asing (FDW) untuk Orang-orang Kurang Upaya

Apabila anda mengajikan seorang Pembantu Rumah Asing (FDW) untuk menjaga anggota keluarga anda yang kurang upaya, anda membayar levi lebih rendah sebanyak **\$60 sebulan**<sup>2</sup>.

## 7 Geran Penjagaan Rumah (HCG)

Anda boleh menerima **\$200 sebulan** apabila anda menjaga orang yang anda sayangi yang kurang upaya.

<sup>1</sup> Kursus ini merangkumi semua bahagian penting bagi penjagaan warga emas, berdasarkan keadaan pergerakan orang yang anda sayangi.

<sup>2</sup> Potongan Levi Pembantu Rumah Asing (FDW) juga ada skim untuk anak kecil dan warga emas untuk membantu keluarga yang memerlukan bantuan untuk menjaga anak dibawah usia 16 tahun dan warga emas berusia 67 tahun dan ke atas. Jika layak, anda tidak perlu memohon tetapi akan mendapat potongan levi secara automatik.

Untuk maklumat lanjut mengenai skim-skim tersebut, sila kunjungi [www.aic.sg/financial-assistance](http://www.aic.sg/financial-assistance).

# Kelayakan

Kelayakan																					
Syarat Kelayakan	Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (CHAS)			Dana Pergerakan dan Bantuan Warga Emas (SMF) untuk Alat Bantuan		Skim Bantuan Generasi Perintis Kurang Upaya (PioneerDAS)		Program Bantuan Sementara untuk Warga Emas Kurang Upaya (IDAPE)		Geran Latihan Pengasuh (CTG)		Potongan Levi Pembantu Rumah Asing (FDW) untuk Orang-orang Kurang Upaya		Geran Penjagaan Rumah (HCG)		Syarat Kelayakan					
	Warga Singapura			Warga Singapura		Generasi Perintis yang menjadi Warga Singapura sebelum 1987		Warga Singapura		Warga Singapura atau Penduduk Tetap		Warga Singapura		Warga Singapura	Penduduk Tetap	Kerakyatan					
<b>Kerakyatan</b>	Warga Singapura			Warga Singapura		Generasi Perintis yang menjadi Warga Singapura sebelum 1987		Warga Singapura		Warga Singapura atau Penduduk Tetap		Warga Singapura		Warga Singapura	Penduduk Tetap	<b>Kerakyatan</b>					
<b>Penerima Penjagaan</b>	<b>Umur / Tarikh Lahir</b>	Semua peringkat umur			60 tahun ke atas		Dilahirkan sebelum 1950		Dilahirkan pada atau sebelum 30 September 1932 <b>atau</b> dilahirkan pada atau di antara 1 Oktober 1932 dan 30 September 1962, dengan ketakdayaan yang sedia ada sejak 30 September 2002		65 tahun ke atas <b>atau</b> disahkan mempunyai ketakdayaan		16 tahun hingga 66 tahun		Tidak Berkaitan		<b>Umur / Tarikh Lahir</b>	<b>Penerima Penjagaan</b>			
<b>Pengasuh</b>	<b>Bilangan Kegiatan Kehidupan Seharian (ADLs)<sup>3</sup> yang penerima penjagaan memerlukan seumur hidup</b>	Tidak Berkaitan			Tidak Berkaitan		3		3		65 tahun ke atas: Tidak Berkaitan		3		<b>Bilangan Kegiatan Kehidupan Seharian (ADLs)<sup>3</sup> yang penerima penjagaan memerlukan seumur hidup</b>	<b>Pengasuh</b>					
<b>Syarat Pengasuh</b>	Tidak Berkaitan						Sama ada seorang ahli keluarga atau Pembantu Rumah Asing (FDW)		Majikan FDW mesti seorang ahli keluarga atau FDW dan mesti tinggal dengan penerima penjagaan di alamat yang sama seperti yang tertera di NRIC		Tidak Berkaitan		<b>Syarat Pengasuh</b>	<b>Pengasuh</b>							
<b>Latihan Pengasuh</b>				Tidak Berkaitan			Tidak Berkaitan				Pengasuh mesti seorang ahli keluarga atau FDW dan mesti telah tamat menjalani latihan		Tidak Berkaitan		Tidak Berkaitan		<b>Latihan Pengasuh</b>	<b>Pengasuh</b>			
<b>Isi Rumah</b>		Tidak Berkaitan					Tidak Berkaitan		Tidak Berkaitan		Tidak Berkaitan		<b>Isi Rumah</b>	<b>Pengasuh</b>							
<b>Pendapatan bulanan seisi rumah setiap orang<sup>4</sup> (Untuk keluarga yang <u>ada</u> pendapatan)</b>	Lebih dari \$2,000			\$1,201 hingga \$2,000	Tidak melebihi \$1,200	Generasi Merdeka*/ Generasi Perintis	Kurang dari \$2,000				Kurang dari \$2,800		Kurang dari \$2,800		Kurang dari \$2,800		<b>Pendapatan bulanan seisi rumah setiap orang<sup>4</sup> (Untuk keluarga yang <u>ada</u> pendapatan)</b>	<b>Isi Rumah</b>			
<b>Nilai Tahunan (AV)<sup>5</sup> rumah (Untuk keluarga yang <u>tidak</u> ada pendapatan)</b>	Lebih dari \$21,000	\$13,001 hingga \$21,000	Tidak melebihi \$13,000	Semua Warga Generasi Merdeka* dan Perintis menerima CHAS, tanpa mengira pendapatan atau nilai tahunan rumah	Kurang dari \$13,000		Tidak Berkaitan		Tidak Berkaitan		Kurang dari \$13,000		<b>Nilai Tahunan (AV)<sup>5</sup> rumah (Untuk keluarga yang <u>tidak</u> ada pendapatan)</b>	<b>Isi Rumah</b>							
				Kelulusan untuk geran tertakluk kepada penilaian oleh penilai bertauliah untuk menentukan jenis dan kesesuaian alat bantuan untuk pemohon.					Nota kaki:				Pemohon harus tinggal di rumah dan bukan di institusi penjagaan masyarakat (contohnya rumah penjagaan untuk warga emas).								
				<p><sup>3</sup> Kegiatan Kehidupan Seharian (ADLs) adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mandi</li> <li>• Memakai Pakaian</li> <li>• Makan</li> <li>• Menggunakan Tandas</li> <li>• Berjalan atau Bergerak</li> <li>• Beralih Tempat</li> </ul>					<p><sup>4</sup> Pendapatan bulanan keluarga setiap orang = Jumlah kasar pendapatan bulanan keluarga / Jumlah bilangan ahli keluarga.</p> <p><sup>5</sup> Nilai Tahunan (AV) dinilai oleh IRAS.</p> <p>*Dari November 2019</p>												

Untuk mendapatkan butiran lanjut mengenai kami:

-  **Klik [www.aic.sg](http://www.aic.sg)**
-  **Hubungi **1800 650 6060****
-  **Kunjungi **AIC Link****

Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC) bertujuan untuk mewujudkan masyarakat penjagaan yang bersemangat dan bertenaga supaya orang ramai dapat hidup dengan baik hingga ke usia senja. AIC menyelaras dan menyokong usaha dalam menyepadukan penjagaan supaya dapat mencapai hasil penjagaan terbaik untuk pelanggan kami. Kami mendekati para penjaga dan warga emas dengan maklumat untuk kekal aktif supaya mereka dapat hidup dengan baik, dan menghubungkan mereka kepada perkhidmatan yang mereka perlukan. Kami menyokong pihak berkepentingan dalam usaha mereka untuk meningkatkan kualiti penjagaan, dan juga bekerja dengan rakan kesihatan dan penjagaan sosial untuk menyediakan perkhidmatan bagi penduduk yang semakin tua. Usaha kami dalam masyarakat ialah untuk membawa perkhidmatan dan maklumat penjagaan lebih dekat kepada mereka yang memerlukan.